

## **KEMBALI KE FITRAH DALAM PUISI-PUISI SUHAIMI HAJI MUHAMMAD**

*SAMSINA ABD. RAHMAN*  
*Universiti Putra Malaysia*  
*sina@fbmk.upm.edu.my*

### **ABSTRAK**

Manusia dalam hidupnya sentiasa perlu diingatkan, dinasihati dan dipesankan agar tidak melupai tanggungjawab dan amanah sebagai hamba Allah dan Khalifah-Nya. Mereka dituntut agar sentiasa bertaubat daripada segala dosa dan maksiat. Mereka juga diingatkan tentang janji Allah berhubung balasan syurga dan neraka di akhirat kelak yang semuanya tergantung kepada amal perbuatan sewaktu hidup di dunia ini. Justeru penyair terkenal dan prolific Suhaimi Hj. Muhammad telah dengan gigihnya menggunakan genre puisi sebagai wadah dakwah buat seluruh umat manusia khususnya umat Islam, saudara seagama yang perlu dipesankan dan ditegaskan atas nama peranan dan tujuan manusia diciptakan. Melalui lima kumpulan puisinya yang berjudul *at-Tariq* (2002), *an-Nur* (2003), *Asyik* (2006), *as-Salam* (2006) dan *Taman Takwa* (2009), dipersembahkan segala kata nasihat, ingatan dan pesanan demi membina peribadi terpuji dan melaksanakan amanah yang termaktub sejak azali lagi. Tegasnya, manusia perlu berdakwah, berilmu, berakhlak mulia dan mengambil pengajaran dan iktibar daripada sejarah silam untuk kembali ke fitrah iaitu mengenali diri dan memahami jalan pulang yang sebenarnya. Analisis ini mengaplikasikan teori Sistem Pemikiran Bersepadu 4L (SPB4L) janaan Mohd Yusof Hasan dan sebagai rumusannya telah ditemui keempat-empat pemikiran tersebut iaitu Luhur, Lahir, Logik dan Lateral, secara bersepadu dalam puisi-puisi yang dikaji.

**Kata Kunci:** puisi Melayu; Suhaimi Haji Muhammad; Sistem Pemikiran Bersepadu 4L; Mohd Yusof Hasan; puisi Islam

### **RETURNING TO NATURE IN SUHAIMI HJ MUHAMMAD'S POEMS**

#### **ABSTRACT**

Human beings in their life always need to be reminded and advised not to forget their responsibilities and duties as Allah's servant and His Caliph. They are always required to purify themselves from sins and deviant behavior by returning to their nature. They are also reminded about Allah's promise in relation to the rewards of Heaven or Hell in the here afterwards that all depends on their deeds while living in this world. Hence a prolific poet, Suhaimi Hj. Muhammad is using his poems as an instrument to encourage people to do good things and avoid bad behavior. His collective work entitled *at-Tariq* (2002), *an-Nur* (2003), *Asyik* (2006), *as-Salam* (2006) and *Taman Takwa* (2009) contain advice, reminders encouraging people to create good personality and carry out their responsibilities. In other words, human beings need to be, knowledgeable, have a good personality, need to preach and learn form history to achive their holy nature in understanding themselves and knowing their final destiny. All collective work of Suhaimi Hj. Muhammad are analysed by using the SPB4L theory proposed by Mohd. Yusof Hasan. The findings show that all principles of thought SPB4L are found in his work.

**Key Words:** Malay poems; Suhaimi Haji Muhammad; Sistem Pemikiran Bersepadu 4L; Mohd Yusof Hasan; Islamic poems

## PENGENALAN

Insan telah diciptakan sebagai sebaik-baik kejadian dengan kurniaan akal fikiran. Kesempurnaan insan ditambah dengan anugerah cahaya keimanan melalui kehadiran dan dakwah Rasulullah iaitu Nabi Muhammad s.a.w. Kekamilan insan diperelok dengan datangnya wahyu al-Qur'an melalui ayat pertamanya *Iqra'* yang menjelaskan konsep ilmu dan tuntutan pencariannya di dalam Islam. Insan, secara fitrahnya telah dicipta dalam keadaan yang suci bersih dan indah berbanding makhluk Allah yang lain. Hal ini telah dibuktikan kebenarannya melalui Surah *At-Tin* ayat 4 yang menjelaskan bahawa manusia sebagai sebaik-baik kejadian (Syeikh Abdullah bin Muhammad Basmeh, 1983: 1409).

Justeru setiap insan dituntut untuk mengenali dan menginsafi fitrah kejadiannya serta peranannya di dunia ini iaitu insan sebagai hamba Allah dan insan sebagai khalifah-Nya. Tegasnya, manusia mempunyai hubungan dengan sesama manusia dan juga mempunyai hubungan dengan Allah S.W.T. Oleh itu, sebagai khalifah Allah, manusia dituntut untuk memakmurkan muka bumi ini yang bermaksud membina kesejahteraan dan keamanan sehingga ke hari kiamat. Manakala sebagai hamba Allah, manusia disyariatkan mematuhi segala suruhan-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Ini bererti manusia sentiasa dituntut menjalankan tugas dakwah dan salah satu caranya adalah melalui puisi Melayu Moden. Melalui genre puisi, penyair dapat berpesan dan menasihati khalayak pembaca kepada perkara yang ma'ruf yang perlu diamalkan dan perkara mungkar yang perlu dijauhi. Apa yang jelas, penyair dan puisinya sentiasa menuntut umat manusia khususnya khalayak pembaca agar terus mengekalkan fitrah suci kejadiannya setelah berada di dunia ini demi kembali kepada Allah dalam keadaan yang diredhai-Nya.

Sehubungan ini, akan dianalisis puisi-puisi Suhaimi Haji Muhammad, seorang penyair tanah air yang prolifik dan penuh iltizam dalam menghasilkan puisi-puisinya dengan tujuan untuk berdakwah kepada seluruh umat manusia khususnya umat Islam. Melalui puisi beliau khususnya yang terbit pada tahun 2000 hingga 2011 amat ketara seruan dan tuntutan dakwahnya. Penyair sentiasa mengingatkan manusia agar menjadi insan yang baik, beriman dan beramal soleh sesuai dengan fitrah kejadiannya. Kumpulan puisi Suhaimi Haji Muhammad yang akan dianalisis berjudul *at-Tariq* (2002), *an-Nur* (2003) *Asyik* (2006), *as-Salam* (2006) dan *Taman Takwa* (2009). Analisis ini akan menggunakan teori SPB4L janaan Mohd. Yusof Hasan, seorang professor di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Tanjung. Malim, Perak. Teori ini dipilih kerana ia amat bersesuaian memandangkan kesepaduan prinsip yang terdapat dalam teori tersebut iaitu Pemikiran Luhur, Lahir, Logik dan Lateral serta sumber pembinaan teori yang bersepadu antara Islam, Barat dan Malaysia. Melalui Islam dirujuk daripada sumber al-Qur'an dan Hadith serta Sunnah Rasulullah manakala daripada Barat dilihat teori dan konsep tentang akal, minda dan pemikiran manakala daripada Malaysia dilihat kepelbagaian bangsa atau kaum yang menjadi rakyatnya demi pembinaan keharmonian masyarakat. Melalui sumber Islam, Barat dan Malaysia ini dibina teori SPB4L yang bermaksud Sistem Pemikiran Bersepadu 4L (luhur, lahir, logik dan lateral) demi pembentukan insan syumul lagi kamil di dunia dan akhirat.

## LATAR BELAKANG DAN PRINSIP TEORI SPB4L


Teori SPB4L telah diasaskan oleh Mohd. Yusof Hasan pada tahun 2001. Menurut beliau, teori ini mementingkan konsep bersepadu antara keempat-empat pemikiran L tersebut. Konsep 4L terdiri daripada Luhur, Lahir, Logik dan Lateral. Maksudnya, empat jenis

pemikiran iaitu pemikiran Luhur ialah kemahiran keagamaan, pemikiran Lahir ialah kemahiran akal atau minda, pemikiran Logik ialah kemahiran sains dan teknologi dan pemikiran Lateral ialah kemahiran seni dan kreatif. Dalam kemahiran Luhur, seseorang mempelajari Islam berdasarkan al-Qur'an dan hadith serta aspek akidah, ibadah, muamalah dan akhlak. Dalam kemahiran Lahir pula, otak dikaji secara lahiriah atau bentuk fizikal serta formula kecemerlangan minda. Kemahiran Logik membawa manusia kepada unsur ketepatan, kebenaran dan sains teknologi. Akhirnya kemahiran Lateral pula membawa manusia kepada unsur kreativiti (*Dewan Sastera, Mac 2002: 20*).

Melalui bidang kesusasteraan dan kritikan sastera, Mohd Yusof Hasan telah menghubungkaitkan pertama, aspek tema dan persoalan dengan pemikiran Luhur iaitu persoalan manusia dengan Tuhan, hubungan manusia dengan manusia dan hubungan manusia dengan alam sekitar. Kedua, aspek watak dan perwatakan dengan pemikiran Lahir iaitu watak yang cemerlang, bestari, positif dan optimis. Ketiga, aspek latar tempat dan masa dalam karya yang boleh dilihat melalui pemikiran Logik. Keempat pula, teknik dan stail karya boleh digarap melalui pemikiran Lateral yang mementingkan seni dan kreativiti. Melalui pemikiran 4L, beliau menjelaskan akan dapat menyempurnakan kehidupan manusia dan masyarakat iaitu addin dijunjung, minda dicemerlangkan, sains dimartabatkan dan seni diapresiasi sepanjang zaman (*Dewan Sastera, Mac 2002: 21*).

Sebagai pencetus dan pengasas teori SPB4L, Mohd Yusof Hasan menjelaskan bahawa keempat-empat jenis pemikiran tersebut hendaklah disepadukan dalam diri setiap manusia supaya memperoleh kemahiran dan menjadi amalan dalam kehidupan seharian. Daripada 4L, beliau menjelaskan akan lahir individu dengan unsur atau ciri 4S iaitu soleh (luhur), sarjana (lahir), saintis (logik) dan seniman (lateral). Prinsip-prinsip tersebut akan diperincikan sebagai kerangka dan landasan untuk menganalisis puisi-puisi Suhaimi haji Muhammad.

Pertama, pemikiran luhur adalah pemikiran yang amat suci, luhur dan tinggi martabatnya. Pemikiran ini berhubungan dengan keimanan, ketauhidan dan kepercayaan manusia terhadap keesaan dan kebesaran Allah S.W.T. Pemikiran luhur atau kerohanian ini turut melihat dwiperanan manusia sebagai hamba dan khalifah Allah. Mohd Yusof Hasan turut menegaskan melalui pemikiran luhur ini, umat manusia akan mempelajari, memahami, menghayati dan mempraktikkan ajaran Islam (2004: 59). Tegasnya, pemikiran ini mengandungi mesej dakwah khususnya menekankan aspek akidah tauhid iaitu mengesakan Allah S.W.T. Kedua, pemikiran lahir atau kebitaraan yang menekankan peranan akal dan minda manusia dengan berteraskan kepada kebijaksanaan atau kebestarian. Melalui pemikiran lahir ini, dapat dilihat watak dan perwatakan manusia dalam karya sastera seperti puisi yang merujuk kepada sifat baik dan jahat sebagaimana dicitrakan dalam puisi-puisi. Ketiga, pemikiran logik atau kesaintifikan ialah pemikiran kebenaran, kepastian, kenyataan dan hakikat hidup manusia itu sendiri. Dalam bidang kesusasteraan, pemikiran ini dikaitkan dengan aspek latar dan suasana, sejarah dan kemasyarakatan. Akhirnya prinsip keempat iaitu pemikiran lateral atau kekreatifan ialah pemikiran yang tidak mementingkan logik, fakta atau kebenaran. Ia lebih mementingkan aspek kreativiti, imaginasi, rekaan dan khayalan, seni estetika dan keindahan (2004: 199). Ini bererti dalam karya sastera, pemikiran lateral melihat aspek teknik, bentuk visual dan stail (gaya bahasa). Kerangka teori SPB4L dan analisis puisi-puisi Suhaimi Hj. Muhammad dapat digambarbarajahkan seperti berikut:



RAJAH 1. Teori Sistem Pemikiran Bersepadu 4L

Dengan menggunakan teori SPB4L melalui prinsip Luhur, Lahir, Logik dan Lateral janaan Mohd Yusof Hasan akan dianalisis puisi-puisi Suhaimi Haji Muhammad berhubung dengan ajakan dan tuntutan ajaran Islam agar kembali ke fitrah sebagaimana dicitrakan dalam lima kumpulan puisi yang dikaji dengan judul-judul seperti di atas.

### **TUNTUTAN MENGENALI ASAL DIRI SEBAGAI JALAN KEMBALI KE FITRAH DAN INGATAN TENTANG AKIDAH**

Setiap umat Islam adalah dituntut untuk mengenali asal kejadian dirinya iaitu dari mana datangnya dan ke mana akan kembalinya. Manusia khususnya manusia yang beriman kepada Allah adalah yakin dan percaya bahawa mereka adalah datang daripada Allah dan akan kembali kepada-Nya. Sewaktu berada di alam roh, manusia telah berikrar dan berjanji serta mengakui bahawa Allah itu adalah Tuhannya dan Allah juga yang Maha Pencipta dan Maha Berkuasa di atas segala makhluk ciptaan-Nya. Firman Allah melalui Surah al-A'raaf ayat 172, Allah menegaskan tentang asal kejadian manusia dan janji manusia kepada Allah seperti kalam-Nya:

“Dan ketika Tuhanmu menjadikan keturunan anak Adam daripada tulang punggung mereka. Dia meyakinkan dengan diri mereka sendiri. Allah berfirman: Bukankah Aku

Tuhan kamu? Sahutnya Ya kami menjadi saksi supaya kamu jangan mengatakan pada hari kiamat sesungguhnya kami lengah terhadap hal ini.”

(Mahmud Yunus, 2010: 340)

Tuntutan untuk kembali mengenali asal diri melalui maksud ayat di atas telah disambut dengan penuh rasa tanggungjawab dan keinsafan oleh penyair Suhaimi Haji Muhammad yang menggunakan puisinya sebagai wadah ingatan dan pesanan buat umat manusia. Melalui analisis, puisi Suhaimi Haji Muhammad dalam lima kumpulan puisinya (rujuk gambarajah) telah ditemui seruan-seruan, ingatan dan pesanan penyair kepada khalayak pembaca berhubung tuntutan dakwah yang perlu dilaksanakan kepada sesama manusia, tegasnya mengajak ke arah kebaikan dan menyeru agar menjauhi segala larangan Allah S.W.T. Perkara pertama yang dituntut dan dipesankan oleh penyair adalah tentang kejadian asal manusia dan punca rasa keimanan(akidah tauhid) kepada Allah yang Esa serta janji manusia kepada Allah sewaktu di alam roh.

Penyair dalam kumpulan puisi *Asyik* (2006), melalui puisi-puisinya berjudul “Manusia Sebelum diLahirkan”(hlm.138-139), “Apabila Manusia Menjadi” (hlm.140-144), “Keindahan Manusia” (hlm.144), “Kesempurnaan Manusia” (hlm.146) dan “Hendaklah Diingat” (hlm.148) menjelaskan tentang asal kejadian manusia dan peranan(amanah dan tanggungjawab) yang perlu dilaksanakan di dunia ini. Melalui puisi “Manusia Sebelum diLahirkan” penyair menjelaskan dan mengingatkan tentang janji manusia sewaktu di alam roh sebagaimana difirmankan dalam Surah al-A’raaf ayat 172. Suhaimi Hj. Muhammad mengingatkan bagai rangkap berikut:

Manusia sebelum dilahirkan  
Ia belum terpisah dari Tuhan, sewaktu itu  
Janji ikrarnya: Bahawa Tuhanku  
Ialah Allah, Tuhan Yang Maha Esa,  
Tuhan yang Maha Pencipta, Dialah yang  
mencipta sekalian alam, makhluk,  
juga manusia  
Inilah awal dan asal tauhid dan iman  
Inilah awal dan asal makrifat yang hakiki

Seterusnya penyair melalui puisi “Keindahan Manusia” mengungkapkan maksud dan rahsia keindahan manusia sebagai sebaik-baik dan sesempurna kejadian sebagaimana menepati maksud al-Qur’an dalam Surah *at-Tin* ayat 4 yang telah dijelaskan sebelum ini. Beliau dengan jelas dan tegas membicarakan seperti dalam rangkap pertama dan kedua puisi berikut:

Keindahan manusia  
Bukan kerana wajahnya atau kecantikannya  
Keindahan manusia  
Bukan kerana hartanya atau pangkatnya  
Keindahan manusia  
Bukan kerana bangsa atau keturunannya

Keindahan manusia  
Kerana keindahan cinta rabbani dalam dirinya  
Keindahan manusia  
Adalah kerana keimanan dan amalan solehnya  
Keindahan manusia  
Kerana keindahan akhlak dan adabnya  
Inilah rahsia keindahan manusia

Kejadian manusia ditegaskan bukan sahaja indah bahkan cukup sempurna di sisi agama Islam sebagaimana dibuktikan dalam al-Qur'an sebagai sesempurna kejadian berbanding dengan makhluk Allah yang lain. Penyair dalam puisi "Kesempurnaan Manusia" (hlm.146) menjelaskan maksudnya melalui rangkap pertama dan rangkap kedua seperti ungkapan di bawah:

Kesempurnaan manusia  
Bukan kerana kecantikan wajahnya  
Kesempurnaan manusia  
Bukan kerana pangkat darjatnya  
Kesempurnaan manusia  
Bukan kerana kemuliaan keturunannya  
Kesempurnaan manusia  
Bukan kerana kekayaan hartanya

Kesempurnaan manusia  
Terletak pada imannya, terletak pada amal solehnya  
Terletak pada tauhidnya, terletak pada makrifatnya  
Kesempurnaan manusia  
Terletak pada akhlak dan adab yang baik  
Terletak pada sumbangan dan sedekahnya yang baik  
Kesempurnaan manusia mendapat perhatian dari Tuhan  
Kesempurnaan manusia mendapat perhatian dari insan

Apa yang jelas keindahan dan kesempurnaan manusia sebagaimana diungkapkan oleh penyair dan menepati ajaran agama Islam adalah dengan rasa keimanan dan ketauhidan serta memiliki akhlak yang mulia. Seterusnya dalam puisi "Hendaklah Diingat", penyair mengingatkan umat manusia tentang peranan dan tujuan penciptaan manusia di dunia ini. Penyair dengan jelas telah berpesan kepada khalayak pembaca melalui puisinya seperti berikut:

Hendaklah diingat  
Tujuan terawal manusia ialah Tuhan  
Tujuan terakhir manusia ialah Tuhan  
Hidup di dunia suatu kunjungan, selalunya  
Khidmat pengabdian ke hadrat Tuhan  
al-Qur'an dan hadith kitab panduan.

Melalui rangkap puisi di atas, penyair menjelaskan bahawa hidup di dunia ini hanyalah sementara dan manusia perlu memberi khidmat bakti terbaik dan beribadah kepada Allah S.W.T. Di samping itu, penyair juga menyeru agar manusia berpandukan kepada al-Qur'an dan hadith supaya tidak sesat daripada landasan ajaran Islam yang sebenar dalam menjalani kehidupan seharian.

Penyair terus menegaskan tentang peranan manusia dan manusia sebagai sebaik-baik kejadian melalui puisinya yang berjudul "Apabila Manusia Menjadi" (hlm. 140-141). Penyair mengungkapkan tentang kejadian insan yang paling sempurna sesuai dengan amanahnya sebagai khalifah Allah di muka bumi ini. Penyair menjelaskan dalam rangkap-rangkap berikut:

Apabila manusia menjadi makhluk Tuhan  
Dia paling sempurna kejadiannya  
Dia diamanahkan untuk menjalankan "amanah"-Nya  
Untuk menyaksikan sendiri cahaya keindahan-Nya  
Untuk menyatakan semula keindahan-Nya  
Tuhan sebagai pencipta

### Maha Mengetahui dan Maha Bijaksana

Apabila manusia menjadi makhluk Tuhan  
Dia paling sempurna kejadiannya  
Cermin-cermin kerohanian yang berdiri di sudut  
Maya, melontarkan beberapa banyak  
Pancaran etika moral, yang indah dan murni  
Semuanya untuk memperluaskan dan meningkatkan  
Hakikat kerohanian  
Apabila manusia menjadi makhluk Tuhan  
Yang sempurna kejadiannya  
Inilah amanah yang perlu dijalankannya  
Dia menjadi khalifah, menjadi pewaris  
Yang akan melontarkan beribu cahaya keindahan  
Ke sekitaran-Nya, kepada-Nya

Manusia setelah diciptakan sebagai sebaik-baik dan sesempurna kejadian telah pula dilengkapi dengan cahaya keimanan iaitu ketauhidan kepada-Nya melalui dakwah Rusulullah s.a.w. Ketauhidan yang bermaksud amalan mengesakan Allah sentiasa dituntut untuk diimani dan dipertingkat serta diperkukuh oleh setiap umat Islam. Puisi-puisi penyair yang mengutarakan soal akidah tauhid adalah seperti dalam jadual 1 berikut:

JADUAL 1. Puisi-puisi Suhaimi Hj. Muhammad yang mengungkapkan aspek akidah tauhid

Bilangan	Tajuk Puisi	Tajuk Kumpulan Puisi	Halaman
1	Perbincangan Tentang Iman	<i>at-Tariq</i> (2002)	148
2	Iman ialah Pembuka Tabir	<i>an-Nur</i> (2003)	9
3	Keesaan Ilahi	<i>an-Nur</i> (2003)	11
4	Zikir La ilaha illaallah	<i>an-Nur</i> (2003)	106
5	Zikir <i>La ilaha illallah</i> dengan keikhlasan	<i>an-Nur</i> (2003)	124
6	Tentang Zikir <i>La ilaha illaallah</i>	<i>as-Salam</i> (2006)	32
7	Iman dan Orang Mukmin	<i>as-Salam</i> (2006)	368
8	Tauhid adalah Akidah	<i>Asyik</i> (2006)	82
9	Islam dan Iman	<i>Asyik</i> (2006)	102
10	Wujud Satu	<i>Asyik</i> (2006)	14

Penyair melalui puisi “Tentang Zikir *La ilaha illallah*” (2006: 32) menjelaskan tentang nikmat dan rahmat kurniaan Islam kepada umat manusia dengan dua kalimah syahadah yang bermaksud penyaksian dan pengakuan terhadap kalimah tauhid iaitu mengesakan Allah dan Nabi Muhamad s.a.w sebagai pesuruh Allah. Beliau menjelaskan:

*La ilaha illallah; Muhamad Rasulullah*  
Ialah rahmat bagi orang Muslim  
Perbanyakkan sebanyak kerdipan matamu  
Perbanyakkan sebanyak denyutan nafsmu

Melalui rangkap puisi di atas jelas, orang-orang Islam bukan setakat mengucapkan kalimah syahadah tersebut malah mereka dituntut untuk berzikir sebagai tanda sentiasa mengingati Allah sekaligus sebagai bukti pengakuan bahawa hidup dan mati orang-orang Muslim hanyalah kerana dan untuk Allah semata-mata.

Persoalan keimanan turut ditegaskan oleh penyair melalui puisi yang bertajuk “Komponen Iman” (2006: 390). Menurut beliau, Allah telah mencipta dan mengurniakan iman kepada orang-orang Mukmin. Orang-orang yang beriman bermula dengan pengakuan lidah (dilafazkan dua kalimah syahadah) diikuti dengan perbuatan (mengamalkan segala

suruhan-Nya) dan memperteguh serta membenarkan dalam hati (sentiasa berzikir dan berselawat ke atas Rasulullah). Tegas penyair lagi iman adalah suatu rahmat, kurnia dan tanda cinta Allah terhadap hamba-hamba yang dipilih-Nya untuk beriman. Berikut diperturunkan keseluruhan puisi “Komponen Iman” demi ingatan, renungan dan penghayatan pembaca atas tuntutan pemikiran luhur dan bersifat kerohanian. Penyair berpesan dan berdakwah melalui ungkapan puisinya seperti berikut:

Yang Maha Mukmin ialah Allah  
Dia mencipta dan menjadikan iman  
Dia juga mencipta dan menjadikan orang beriman  
Iman dapat dikatakan Islam  
Dan Islam dapat dikatakan iman

Iman terdiri daripada tiga perbuatan  
Dua di luar dan satu di dalam  
Yang di luar: perbuatan lidah dan perbuatan anggota  
Yang di dalam: perbuatan hati atau jiwa  
Inilah tiga perbuatan yang menjadikan  
Iman sempurna

Jika ditinggalkan salah satu  
Maka tidak sempurna iman itu  
Lidah berikrar menyebutkan  
Anggota melakukan perbuatan  
Dan hati membenarkan

*La ilaha illallah: Muhammadur Rasulullah*  
(Tiada Tuhan yang disembah melainkan Allah;  
Nabi Muhammad Pesuruh Allah)  
Inilah kalimah iman, kalimah yang mulia  
Diturunkan kerana rahmat dan cinta-Nya

Satu lagi contoh yang amat jelas tentang maksud akidah tauhid telah diungkapkan oleh penyair melalui puisinya yang berjudul “Tauhid adalah akidah”(2006: 82). Melalui puisi ini penyair berdakwah agar manusia kembali ke fitrahnya iaitu bersyukur dengan cahaya keimanan yang telah dianugerahkan kepada manusia sehingga menjadi manusia beriman. Anugerah akidah tauhid ini adalah bukti kecintaan dan kasih sayang Allah kepada hamba-hamba-Nya yang terpilih. Penyair menyuarakan pesanan dan dakwahnya tentang soal iaitu mengesakan Allah yang Satu. Rangkap pertama menjelaskan dan berpesan:

Tauhid adalah akidah yang wajar wujud  
dalam rohani manusia  
inilah hakikat yang terserap dalam iman  
dan cinta murni manusia  
inilah hakikat kewujudan Ilahi sebenarnya  
yang Dia sendiri menyatakan tentang diri-Nya sendiri:  
bahawa diri-Nya adalah Esa

Akidah adalah bukti kepada kewujudan agama Islam sebagai agama yang sebenarnya di sisi Allah. Melalui Islam umat manusia dituntut agar berbuat kebaikan selaras dengan kehendak al-Qur’an dan hadith. Apa yang penting, iman dan Islam adalah sebagai nikmat dan rahmat Allah yang amat bernilai kepada umat manusia. Sebagai umat yang beriman, manusia sewajarnya bersyukur dan bertekad untuk memelihara iman dan Islam tersebut. Rangkap kedua puisi berjudul “Tauhid adalah akidah” menjelaskan:



Tauhid adalah akidah yang wajar wujud  
Dalam rohani manusia  
Inilah hakikat yang terserap dalam iman dan  
Cinta murni manusia

...

Bagi sekalian manusia: bahawa agama Islam itulah  
Saja agama yang sebenar bagi sekalian mereka  
Dia menyatakan sendiri tentang arahan-Nya kepada  
Manusia: bahawa mereka hendaklah berbuat baik  
Selaras dengan kehendak-Nya, yang tercatat dalam  
al-Qur'an dan hadith  
Dia sendiri menyatakan tentang rahmat dan nikmat-Nya  
Sendiri: bahawa Islam dan iman ialah rahmat  
Dan nikmat-Nya yang paling tinggi.

Tuntutan berpesan-pesan dan saling mengingatkan bukan sahaja dilihat dalam aspek akidah tauhid malah mencakupi soal syariat (ibadah), muamalat dan akhlak sebagaimana digariskan dalam ajaran Islam yang berpandukan al-Qur'an dan hadith. Apabila seseorang itu telah beriman dan mengesakan Allah, maka dia dituntut untuk beribadah kepada-Nya demi memenuhi peranan sebagai hamba Allah dan memenuhi tujuan penciptaan manusia yang difirmankan oleh Allah dalam Surah al-Zariat ayat 56 yang maksudnya:

“Dan (ingatlah) Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembah dan beribadat kepada-Ku”

(Syeikh Abdullah bin Muhammad Basmeh, 1983: 1158)

Melalui analisis ditemui contoh-contoh puisi yang mengungkapkan soal ibadah sebagai praktik iman seperti soal solat, berpuasa, berzakat dan menunaikan fardhu haji ke Mekah. Judul puisi adalah seperti “Definisi Solat (*As-Salam*: 172), “Di-Negeri Ibadat” (*Taman Takwa*: 16), “Kenali Solat” (*Taman Takwa*: 134) dan “Seseorang Mengumpul Harta Tanpa Zakat” (*As-Salam*: 152). Melalui puisi “Definisi Solat” dan “Kenali Solat”, penyair menjelaskan pemikirannya tentang solat sebagai rukun Islam kedua selepas lafaz tauhid iaitu mengucap dua kalimah syahadah. Ibadah solat juga merupakan tiang bagi agama Islam dan sebagai ciri pembeza antara yang Islam dengan bukan Islam. Penyair juga menegaskan bahawa ibadat solat yang sempurna mampu untuk menghapuskan segala dosa seseorang. Segala pemikiran penyair ini diutarakan bagi ungkapan baris puisi di bawah:

Solat ialah amalan yang paling disukai Tuhan  
Ia ialah sebaik-baik rahmat Allah kepada hamba-Nya  
Ia adalah ibadat terpenting selepas iman  
Ia menggugurkan dosa-dosamu pada-Nya

Perbezaan antara orang kafir dengan Islam  
Ialah

Orang Islam ialah orang yang mendirikan solat  
Orang kafir ialah orang yang tidak mendirikan solat  
Orang Islam menyembah Allah, orang kafir  
Menyembah selain Allah

Solat ialah ibadat utama orang Islam  
Selepasnya puasa, kemudian zakat dan fitrah  
Diikuti mengerjakan haji di Makkah  
Mereka ialah penyembah Allah Pencipta  
Sekalian alam

(*As-Salam*: 172-174)

Kenalilah solat, wahai anakku, bahawa solat  
Ialah tiang agama, bahawa solat ialah  
Jalan lurus menuju Tuhanmu, bahawa solat ialah  
Tali perhubungan cinta antaramu dengan  
Tuhanmu-tanpa solat kau akan terumbang-ambing  
Di lembah impian, kau akan terumbang-ambing  
Di lembah bayangan. Bertapa besar  
Kejayaanmu menyeberangi lautan luas

(*Taman Takwa*: 134)

Apa yang jelas, penyair telah menegaskan tentang tuntutan mengerjakan ibadah solat dan kepentingannya dalam kehidupan umat manusia di samping ibadat lain iaitu berpuasa, berzakat dan menunaikan fardhu haji ke Makkah. Segala ibadat ini adalah demi memenuhi peranan manusia sebagai hamba Allah yang beriman dan taat kepada segala perintah Allah yang Esa di samping usaha penyair yang sentiasa cuba mengingatkan sekalian umat Islam akan peranan dan tanggungjawabnya kepada Allah S.W.T.melalui puisi-puisinya.

Hasil analisis berhubung dengan tuntutan mengenali asal diri dan hubungannya dengan akidah tauhid dan syariat-syariat yang perlu dipatuhi serta diamalkan membuktikan terdapatnya prinsip pemikiran luhur atau kerohanian sebagaimana digagaskan dalam teori SPB4L. Penyair telah menggunakan sumber al-Qur'an dan hadith dalam proses penciptaan puisi-puisinya dengan penggunaan nota kaki sebagai penerangan. Malah penyair dalam kehidupan seharian(merujuk kepada latar belakang pendidikan dan diri penyair) telah menghayati dan mengamalkan segala syariat dan ajaran Islam sehingga dapat dicitrakan dalam puisinya yang sering mengajak, menyeru, berpesan dan menasihati kepada perkara kebaikan(maaruf). Ajakan, pesanan dan nasihat penyair ini merupakan suatu tuntutan mulia untuk mengajak manusia kembali ke fitrah iaitu memenuhi konsep mengenali asal diri dan peranan serta tujuan penciptaan manusia itu yang sebenarnya.

### **Tuntutan Mencari Ilmu dan Hidup Berilmu**

Selain tuntutan kembali ke fitrah dengan mengenali asal diri dan melaksanakan segala syariat Islam, penyair turut menuntut agar umat Islam mencari ilmu dan hidup berilmu. Agama Islam dan al-Qur'an dengan tegas mewajibkan pencarian dan menuntut ilmu kepada setiap umat Islam. Sejarah Islam membuktikan kepentingan ilmu dalam kehidupan dengan turunnya wahyu pertama melalui Surah al-Alaq. Ayat pertama dalam surah tersebut yang berbunyi *Iqra'* bermaksud bacalah adalah membawa pengertian tentang seruan menuntut ilmu agar manusia mengetahui apa-apa yang tidak mereka ketahui. Melalui pembacaan, seseorang akan mendapat sinar petunjuk ke arah kebenaran dan meninggalkan kejahilan, keraguan, kemunafikan dan penyelewengan terhadap nilai-nilai murni Islam yang akhirnya akan membawa kepada keredhaan Allah dan ketinggian darjat berbanding mereka yang tidak berilmu.

Hasil analisis menunjukkan penyair amat menekankan soal ilmu, seruan menuntut ilmu, kelebihan dan kepentingan hidup berilmu serta peranan akal dan minda melalui contoh puisinya sebagaimana dipaparkan dalam jadual 2 berikut:

JADUAL 2. Puisi-Puisi Suhaimi Hj. Muhammad yang mengungkapkan tentang ilmu dan kepentingannya, kelebihan orang berilmu dan peranan akal serta minda manusia

Bil	Tajuk Puisi	Tajuk Kumpulan Puisi	Halaman
1.	Perbincangan tentang ilmu	<i>at-Tariq</i> (2002)	170
2.	Ilmu Pengetahuan adalah rahmat Tuhan	<i>an-Nur</i> (2003)	137
3.	Ilmu ialah jalan yang terbentang	<i>as-Salam</i> (2006)	30
4.	Ilmu yang baik	<i>as-Salam</i> (2006)	92
5.	Definisi Surah Iqra'	<i>as-Salam</i> (2006)	282
6.	Akal Sebagai Alat Mengenal	<i>as-Salam</i> (2006)	326
7.	Kedudukan Ahli Ilmu	<i>Asyik</i> (2006)	92
8.	Anakku, bacalah al-Qur'an	<i>an-Nur</i> (2003)	78

Contoh puisi yang akan dikemukakan berhubung dengan tuntutan mencari ilmu dan hidup berilmu berjudul "Definisi Surah Iqra'"(2006: 282). Penyair dalam puisi ini dengan jelas menyeru dan menuntut pembaca untuk mencari ilmu demi memenuhi perintah Allah sebagaimana maksud dalam Surah al-Alaq, di samping memperoleh hikmah dan manfaat daripada ilmu yang dituntut. Rangkap pertama dan kedua puisi tersebut menjelaskan:

Apabila surah Iqra' diturunkan didengarkan  
Itulah pertama Allah memerintah agar orang beriman  
Membaca dan menulis dengan perantaraan kalam  
Allah menurunkan al-Qur'an dan al-Hikmah  
Maka manfaatkan

Iqra' mengandungi cabang-cabang yang menyokongnya:  
Ialah membaca, memikir, mengira, mencuba, mencipta  
Mengguna, menanya semula, merumus, menuliskan  
Allah menciptakan bumi dan langit, maka terokalah

Satu lagi contoh puisi tentang ilmu yang penyair ambil sumbernya daripada al-Qur'an ialah "Kedudukan Ahli Ilmu" (2006: 92). Puisi ini menjelaskan tentang kelebihan dan kedudukan orang yang berilmu di dalam Islam dan di sisi Allah. Penyair yang menggarap maksud Surah al-Mujadalah ayat 11 (Syeikh Abdullah bin Muhammad Basmeh, 1983: 1219) telah mengungkapkan:

Kedudukan ahli ilmu lebih tinggi  
Daripada ahli ibadat, demikian sabda Rasulallah  
Maka ini bermakna  
Kedudukan ilmu lebih tinggi daripada  
Ibadat dan juga cinta  
Maksud Rasulallah sedemikian, merujuk kepada  
Ahli ilmu yang beramal soleh  
Dengan ilmu-ilmunya

Kedudukan ahli ilmu lebih tinggi  
Daripada ahli ibadah, demikian sabda Rasulallah  
Justeru, amat penting  
Menjadi ahli ilmu dan ahli ibadah  
Ialah manusia sempurna di sisi Ilahi  
Dengannya dia memperoleh  
Makrifat Ilahi  
Dan cinta rabbani

Kewajiban dan kelebihan orang berilmu sekali lagi ditegaskan dalam puisi “Ilmu yang Baik”. Penyair menegaskan kewajiban menuntut ilmu dan hukumnya berdosa bagi mereka yang tidak melaksanakannya. Orang-orang yang mencari ilmu dan hidup berilmu dipandang mulia di sisi Allah dan Islam kerana orang-orang berilmu merupakan pewaris para nabi dan pembimbing ke jalan kebenaran dan kesejahteraan. Penyair berpesan dan mengingatkan:

Hanya ilmu yang baik diredai Tuhan  
Ialah harta bagi seseorang insan  
Adalah untuk penyuluh dan panduan  
Tuntutlah ia dan kemudian sampaikan

Menuntut ilmu ialah kewajipan  
Menyampaikannya juga ialah kewajipan  
Menyembunyikannya dosa terhadap Tuhan  
Enggan belajar pula dosa dihitungkan  
Tuhan memuji orang berilmu pengetahuan  
Mereka waris para nabi sekalian  
Darjatnya tinggi di sisi manusia dan Tuhan  
Di dunia dan akhirat menjadi penyuluh keselamatan

Kesemua puisi dalam jadual 2 dan yang telah dibincangkan tentang ilmu, kewajiban menuntut ilmu, kelebihan orang yang berilmu dan kepentingan hidup berilmu jelas memperlihatkan penggarapan prinsip kedua dalam teori SPB4L iaitu prinsip Lahir. Penggarapan pemikiran Lahir ini membuktikan penyair turut memperjelas peranan akal dan minda manusia demi memperoleh keredhaan dan kesejahteraan hidup. Peranan akal dan kehebatan minda manusia yang menjana kebijaksanaan dan hikmah bukan sahaja dipertegaskan oleh agama Islam malah turut dipentingkan dalam masyarakat dan kehidupan orang-orang barat. Sumber Islam dan Barat telah digunakan oleh Mohd. Yusof Hasan dalam pembinaan teorinya yang digunakan sebagai landasan analisis ini.

### **Tuntutan Berakhlak Mulia dan Kaitannya dengan Prinsip Lahir dalam Teori SPB4L**

Penyair, selain menuntut umat Islam untuk mencari ilmu dan hidup berilmu, beliau juga amat menitikberatkan soal akhlak yang mulia agar diamalkan oleh setiap manusia. Akhlak yang mulia bererti memiliki dan mengamalkan sifat-sifat terpuji dan meninggalkan segala sifat keji. Contoh utama akhlak dan peribadi terpuji hanya ditemui dalam diri Nabi Muhammad s.a.w. Akhlak manusia yang terbahagi kepada sifat baik dan jahat menurut Mohd. Yusof Hasan turut dimasukkan dalam prinsip kedua teori SPB4L iaitu pemikiran Lahir. Dalam puisi, pemikiran Lahir dikaitkan dengan aspek watak dan perwatakan. Melalui analisis dipaparkan 10 puisi tentang akhlak dan tuntutan berakhlak mulia. 10 puisi tersebut adalah seperti yang berikut:

JADUAL 3. Puisi-Puisi Suhaimi Hj. Muhammad tentang Tuntutan Berakhlak Mulia dan Kaitannya dengan Prinsip Lahir dalam Teori SPB4L

<b>Bil.</b>	<b>Tajuk Puisi</b>	<b>Tajuk Kumpulan Puisi</b>	<b>Halaman</b>
1	Rahsia Sifat Peribadi Muhammad	<i>At-Tariq</i> (2002)	130
2.	Orang-orang Mulia Itu Amat Sopan	<i>An-Nur</i> (2003)	166
3.	Definisi Mengumpat	<i>As-Salam</i> (2006)	168
4.	Allah Menggalakkan Akhlak Yang Mulia	<i>As-Salam</i> (2006)	194
5.	Definisi Akhlak Yang Mulia	<i>As-Salam</i> (2006)	232
6.	Wanita Mukmin Dan Keredaannya	<i>As-Salam</i> (2006)	276
7.	Definisi Akhlak Yang Baik	<i>As-Salam</i> (2006)	288

8.	Ihsan Sebagai Sifat Kesempurnaan	<i>As-salam</i> (2006)	438
9.	Antara Perwatakan Sabar Dan Amarah	<i>Taman Takwa</i> (2009)	66
10.	Di Wadi Takwa	<i>Taman Takwa</i> (2009)	182

Penyair melalui puisinya berjudul “Allah Menggalakkan Akhlak Yang Mulia” menegaskan tentang pentingnya akhlak dan budi pekerti yang mulia sebagaimana dituntut oleh Islam. Dengan memiliki akhlak dan budi pekerti yang mulia, seseorang akan memperoleh kejayaan, rahmat dan keredhaan Allah. Rangkap pertama puisi tersebut menegaskan tentang kepentingan berakhlak mulia seperti berikut:

Allah amat mementingkan budi pekerti yang mulia  
Maka dikirim-Nya rasul-Nya ke muka bumi  
Budi pekerti mulia itulah mendorong manusia berjaya  
Hidup dan mati dalam rahmat dan keredaan-Nya

(*As-Salam*: 194)

Seterusnya penyair menyeru agar sentiasa mengikuti orang yang menyucikan jiwanya (sentiasa bertaubat dan memohon keampunan) dan menjauhi orang yang mengotori jiwanya. Juga menyarankan agar mengikuti jalan golongan-golongan yang suka kembali kepada jalan Allah dan menghindari golongan yang alpa dan lalai kepada Allah. Rangkap kedua puisi menyeru dan berpesan bagai ungkapan penyair supaya manusia sentiasa insaf, bertaubat dan kembali ke jalan yang benar dan diredhai-Nya. Penyair menyeru:

Ikutlah orang yang sentiasa menyucikan jiwanya  
Dan elakkan dirimu daripada mereka yang mengotori jiwanya  
Ikutlah jalan mereka yang suka kembali kepada-Nya  
Dan elakkan dirimu daripada mereka yang lupa kepada-Nya

(*As-Salam*: 194)

Penyair selain menegaskan agar berakhlak dengan akhlak yang mulia, beliau turut mendefinisikan makna akhlak yang mulia dan akhlak yang baik melalui puisinya berjudul “Definisi Akhlak yang Mulia” dan “Definisi Akhlak yang Baik”. Penyair mendefinisikan akhlak yang mulia dengan merujuk kepada akhlak Rasulullah s.a.w yang ditegaskan sebagai insan pilihan yang penuh dengan sinaran cahaya. Baginda dikisahkan memiliki sifat bersopan dan bersabar, tidak angkuh dan tidak tamak haloba, tidak berdendam dan tidak berdengki, bersifat adil dan amat pemaaf meski kepada musuh-musuhnya dan mengasihi segala makhluk Allah. Melalui rangkap akhir puisi “Definisi Akhlak yang Mulia” penyair menjelaskan tentang peribadi terpuji Rasulullah. Beliau mengungkapkan:

Sebagai makhluk kau ialah sinaran cahaya  
Muhamad Rasulullah ialah pembawa yang utama  
Displin yang tinggi sentiasa kaupatuhi  
Milik dirimu kesucian rohani.

Jika akhlak yang mulia merujuk kepada akhlak Rasulullah s.a.w, menurut penyair akhlak yang baik pula bermakna masuk Islam seluruhnya. Ini bererti Islam sebagai tatacara hidup yang berpandukan al-Qur’an dan hadith perlu ditaati dan dipatuhi segala suruhan dan larangannya demi untuk memperoleh keredhaan Allah S.W.T. Penyair menjelaskannya seperti berikut:

Apabila engkau masuk Islam seluruhnya maka  
Engkau memberi pertolongan kepada sesiapa  
Tanpa dipinta  
Dan engkau melakukannya hanya kerana  
Allah semata-mata

Apabila engkau masuk Islam seluruhnya, maka

Engkau akan memenuhkan hak-hak Allah dan manusia  
Dengan rela sendiri, tanpa tekanan sesiapa,  
Dan engkau melakukannya hanya kerana Allah  
Semata-mata

Apabila engkau masuk Islam seluruhnya maka  
Engkau akan menunaikan dan memelihara kehendak agama  
Engkau mentaati Allah, tanpa dipaksa sesiapa  
Segala engkau lakukan hanya kerana Allah  
Semata-mata

Rangkap di atas dengan jelas mendefinisikan makna akhlak yang baik iaitu mengamalkan seluruhnya ajaran agama Islam, amalan semata-mata kerana Allah dan demi untuk memperoleh keredhaan-Nya serta menjauhi kemurkaan-Nya. Bersesuaian dengan judul kumpulan puisi *As-Salam* yang bermaksud selamat dan sejahtera, puisi “Definisi akhlak yang baik” yang merujuk kepada mentaati segala perintah dan menjauhi larangan-Nya akan mampu membina watak dan perwatakan yang berperibadi tinggi dan hasilnya akan tercipta kehidupan yang selamat dan sejahtera. Perwatakan sebegini turut memenuhi prinsip kedua iaitu pemikiran lahir dalam teori SPB4L, Demi memenuhi seruan berakhlak mulia dengan mengamalkan sifat terpuji seseorang juga perlu menjauhi segala sifat keji seperti sifat munafik, suka mengumpat, sifat angkuh, suka mengeji, nafsu amarah, berputus asa dan tidak berlaku adil (tidak amanah).

Salah satu perbuatan keji yang amat dilarang dalam Islam ialah perbuatan mengumpat. Mengumpat yang ertinya menyebut atau menyatakan keburukan seseorang yang apabila dia mendengarnya dia akan marah atau dia akan tersinggung biarpun yang dinyatakan itu sesuatu yang benar. Penyair melalui puisi “Definisi Mengumpat” mengingatkan sekalian orang yang beriman agar jangan melakukan perbuatan mengumpat kerana perbuatan tersebut berdosa besar dan diibaratkan seperti memakan daging saudara sendiri. Penyair melalui puisinya “Definisi Mengumpat” menjelaskan makna dan keburukan perbuatan tersebut:

Mengumpat adalah memburuk-burukan  
Peribadi seseorang  
Mengumpat itu menjatuhkan kehormatan diri  
Seseorang  
Meski yang kauceritakan itu kebenaran adanya  
Dia merasa terhina, dan menaikkan  
Kemarahannya  
Wahai orang beriman yang kukasihi  
Janganlah kau mengumpat mencela saudaramu  
Sama ada melalui lidah atau hati

Keduanya membawa celaka dan padah pada dirimu

Selain perbuatan mengumpat, penyair turut mengingatkan agar manusia menjauhi nafsu al-amarah dan berusaha mencapai nafsu al-mutamainnah. Nafsu al-amarah adalah seperti syaitan atau ular yang mendorong atau memujuk manusia supaya memilih untuk melakukan kejahatan manakala nafsu al-mutamainnah pula merupakan nafsu yang mendorong manusia kepada perbuatan baik. Nafsu ini juga disebut sebagai nafsu yang tenteram, jiwa yang tenteram atau iman yang sempurna (2006: 85). Penyair melalui puisi “Pembicaraan tentang Nafsu” menjelaskan tentang nafsu al-amarah dan nafsu al-mutamainnah dengan pesanan seperti bicaranya:

Nafsu al-amarah mendorong manusia  
Meminum darah serakusnya, ia ialah ular berbisa  
Kaibunuhlah sebelum ia bertahan lama

Sebelum sampai kepada puncak kekuasaannya

Nafsu al-mutamainnah mendorong manusia  
Mengilap cinta  
Laksana pohon rendang, ia adalah jiwa perkasa  
Buahan ialah hadiah daripada Yang Maha Esa  
Buah akan kembali kepada pencinta

Penyair menjelaskan sebagaimana dalam ajaran Islam mereka yang berjaya menjauhi segala perkara keji atas dorongan nafsu al-amarah dan berjaya mencapai tahap nafsu al-mutamainnah akan dikurniakan ganjaran syurga sebagaimana dibuktikan melalui ayat al-Qur'an dalam surah al-Fajr ayat 27-30 yang berbunyi "Wahai jiwa yang tenteram, kembalilah kepada Tuhanmu dengan perasaan reda dan diredhai oleh Allah. Maka masuklah ke dalam Jemaah hamba-hambanku yang kukasihi dan kuredhai dan masuklah ke dalam syurga-Ku" (Syeikh Abdullah bin Muhammad Basmeh, 1983: 1390). Tuntutan berakhlak mulia sebagai salah satu jalan kembali ke fitrah menjelaskan pemikiran penyair adalah menepati prinsip kedua teori SPB4L iaitu prinsip Lahir.

#### **Ajakan dan Seruan Mengambil Pengajaran dan Iktibar daripada Sejarah Silam serta kaitannya dengan prinsip Logik dalam teori SPB4L**

Demi kembali ke fitrah, manusia turut diseur dan diajak agar mengambil pengajaran daripada sejarah silam, iaitu sejarah tokoh manusia contoh seperti manusia beriman, manusia berjasa, tokoh dalam sejarah Islam, sejarah dan kisah para nabi di samping mengambil iktibar daripada peristiwa lepas yang benar-benar terjadi dan bersifat logik. Mohd Yusof Hasan telah menghubungkaitkan karya sastera dengan prinsip ketiganya dalam teori SPB4L/4K dengan pemikiran logik yang melihat soal sejarah dan kemasyarakatan, latar dan suasana yang benar-benar wujud, bukan sesuatu yang bersifat abstrak dan khayalan. Melalui analisis ditemui puisi-puisi berikut dalam jadual 4 yang mengajak dan menyeru pembaca untuk mngambil iktibar dan pengajaran daripada sejarah dan peristiwa silam.

JADUAL 4. Puisi-Puisi Suhaimi Hj. Muhammad tentang Ajakan dan Seruan Untuk Mengambil Pengajaran dan Iktibar daripada Sejarah Silam dan Kaitannya dengan Prinsip Logik

<b>Bil</b>	<b>Tajuk Puisi</b>	<b>Tajuk Kumpulan Puisi</b>	<b>Halaman</b>
1.	Setelah wafat Muhammad Rasulullah	<i>an-Nur</i> (2003)	103
2.	Amanat Pertama diturunkan kepada Adam	<i>an-Nur</i> (2003)	111
3.	Kisah Nabi Nuh dan Bahterannya	<i>an-Nur</i> (2003)	118
4.	Janji Tuhan Kepada Nabi Ibrahim	<i>as-Salam</i> (2006)	98
5.	Rasulullah dan Fatimah az-Zuhra	<i>as-Salam</i> (2006)	240
6.	Neraka Pembalasan yang Nyata	<i>as-Salam</i> (2006)	330
7.	Manusia Mewarisi Syurga	<i>as-Salam</i> (2006)	334
8.	Firman Allah tentang Nabi Isa	<i>as-Salam</i> (2006)	416
9.	Secebis Kisah Nabi Ayub	<i>Taman Takwa</i> (2009)	59
10.	Menyusuri Sekelumit Kehidupan Rasulullah	<i>Taman Takwa</i> (2009)	129

Manusia sentiasa diingatkan agar belajar daripada sejarah yang ertinya mengambil pengajaran dan iktibar demi kebaikan dan kesejahteraan hidup. Melalui analisis didapati sejarah yang dibentangkan adalah berhubung dengan sejarah Islam iaitu tentang tokoh dan nabi tertentu serta peristiwa yang boleh dijadikan panduan dan pedoman. Contohnya melalui puisi "Amanat Pertama diturunkan kepada Adam" penyair cuba mengingatkan kepada

khalayak pembaca tentang tanggungjawab sebagai hamba Allah dan khalifah-Nya setelah Nabi Adam diciptakan. Tanggungjawab ini perlu dilaksanakan setelah Nabi Adam sanggup memikulnya sehinggalah kepada seluruh umat manusia hingga ke hari kiamat. Jika manusia ingkar dan lalai daripada melaksanakannya, manusia akan mendapat balasan seksa daripada Allah S.W.T. Sejarah dan peristiwa yang dipuisikan ini diambil daripada maksud al-Qur'an dalam surah al-Ahzaab ayat 72. Rangkap terakhir puisi tersebut menegaskan:

“Kalian akan diberi pahala  
Bila memikulnya  
Tetapi bila meletak dan mensia-siakannya  
Kalian akan diberi seksa”

Nabi Adam sebagai manusia pertama yang diciptakan berserta dengan amanah daripada Allah yang perlu dilaksanakan adalah tokoh penting kepada seluruh umat manusia yang wajar diambil ingatan, iktibar dan pengajaran demi menjaga kemurkaan Allah dan berusaha memperoleh redha-Nya. Selain kisah Nabi Adam, penyair turut menceritakan kisah Nabi Nuh dengan bahteranya sebagaimana tercatat dalam sejarah Islam. Melalui kisah para Nabi, Nabi Nuh telah menyeru umatnya agar menyembah Allah yang Esa dan mengajak mereka untuk menaiki bahtera kerana akan berlaku banjir besar namun hanya mereka yang beriman terselamat manakala mereka yang ingkar telah ditenggelamkan oleh Allah S.W.T. Kisah ini telah difirmankan dalam surah al-A'araf ayat 64 (Syeikh Abdullah bin Muhammad Basmeh, 1983: 289).

Penyair melalui puisinya “Kisah Nabi Nuh dan Bahteranya” mengajak pembaca agar mengambil pengajaran daripada kisah tersebut. Ini bererti melalui sejarah tersimpan falsafah di samping memberi peringatan untuk mencontohi mereka yang beriman dan taat kepada Allah dan menjauhi mereka yang ingkar dan tidak beriman. Penyair berkisah dan berpesan seperti dalam rangkap-rangkap puisi berikut:

Maka Nuh berkata kepada kaumnya:  
“Sembahlah Allah, tiada Tuhan selain-Nya  
Jika kamu tidak menyembah Allah, aku khuatir  
Kau ditimpa azab di Hari Besar nanti “  
“Aku menyampaikan amanat Tuhanku, Allah  
Tiada kesesatan padaku, aku memberi nasihat kepadamu,  
Aku mengetahui dari Allah apa yang kamu tidak ketahui”

Kata mereka: “Sesungguhnya kau berada dalam kesesatan”  
Jawab Nuh: Aku tidak berada dalam kesesatan  
Aku adalah Rasul (utusan)  
Dari Tuhan semesta alam”

Dan Nuh menyeru kaumnya menaiki bahteranya  
Mereka menaiki ke atas bukit dan tempat tinggi pula  
Dan Allah telah menenggelamkan mereka  
Yang ingkar dengan seruan Utusan-Nya

Penyair selain mengkisahkan tentang Nabi Adam dan Nabi Nuh, beliau turut menceritakan kisah Nabi Ayub dalam puisinya “Secebis Kisah Nabi Ayub”. Dalam sejarah dan kisah para Nabi, Nabi Ayub diceritakan sebagai seorang Nabi yang sangat sabar dengan ujian Allah, sangat beriman dan sangat bertakwa. Melalui baris-baris puisi berikut penyair mengkisahkan dengan tujuan agar pembaca mengambil pengajaran daripadanya dan mencontohi segala sifat terpuji Nabi Ayub. Beliau mengungkapkan sejarah hidup Nabi Ayub:

Tuhan, aku tahu Kaulah yang telah  
menurunkan ujian yang amat berat



terhadap Nabi Ayub - namun dia amat  
sabar menghadapi ujian-Mu itu  
namun dia terus juga menjaga dan  
memelihara pohon iman dan juga  
menjaga dan memelihara pohon takwa  
yang kauamanahkan kepadanya.

Nabi Ayub telah diuji dengan kesakitan, kepapaan, kehilangan anak-anak dan isteri juga para sahabat handai namun beliau tetap sangat sabar, sangat beriman, bertakwa dan redha dengan segala ketentuan Allah. Penyair sekali lagi menegaskan dalam rangkap terakhirnya tentang kekuatan peribadi Nabi Ayub:

Tuhan, dialah nabi dan manusia yang sangat sabar  
menghadapi dugaan-Mu yang amat getir  
sesuatu yang sukar diduga dan dibayangkan  
dia telah menghadapi semuanya dengan  
cinta Tuhan, dengan cinta iman, dengan cinta takwa  
dengan cinta syahadah – Dialah satu-satunya  
manusia dan makhluk yang amat sabar lagi soleh

Di samping kisah para Nabi, penyair juga menjelaskan dan mengingatkan tentang kewujudan syurga dan neraka sebagai tempat kembali dan pembalasan atas segala perbuatan manusia sewaktu di dunia ini. Walaupun secara mata kasar manusia tidak dapat melihat kewujudannya namun dari sudut mata hati yang bertalian dengan akidah, manusia beriman wajib mempercayai dan menyakini wujudnya kedua-dua tempat tersebut. Melalui teori SPB4L, merujuk kepada prinsip pemikiran logik, kewujudan tempat pembalasan syurga dan neraka ini adalah menepati logik kerohanian dan ketauhidan kepada Allah Yang Esa. Penyair menjelaskannya melalui Puisi “Neraka Pembalasan yang Nyata” dan “Manusia Mewarisi Syurga”. Neraka adalah pembalasan kepada manusia yang ingkar dan lalai daripada menjalankan segala perintah Allah manakala syurga adalah balasan nikmat dan kebaikan buat mereka yang patuh dan taat kepada segala perintah-Nya. Tempat pembalasan ini adalah sebagai janji Allah kepada umat manusia. Penyair melalui puisi “Neraka Pembalasan yang Nyata” mengingatkan dan menegaskan:

Setiap Mukmin yang taatkan Tuhan  
mempunyai perasaan takut dan harapan  
ia bukan takut kepada Tuhan yang disembahnya  
tapi takut kepada keadilan dan balasan-Nya

Mereka diberikan kebebasan untuk berbahagia  
dan bertindak sesuka hatinya  
tapi mesti bertanggungjawab di atas  
perbuatannya  
mereka dibalas mengikut janji Tuhannya.

Mereka diberikan janji syurga jika beriman  
pada-Nya  
Inilah yang menjadi harapan, tapi persoalan  
nya apakah mereka terus masuk syurga?  
tanpa tanya?  
atau melalui neraka sebelum ke syurga?

Melalui pertanyaan penyair tersebut manusia diingatkan agar mencari jawapannya sewaktu hidup di dunia ini agar tiada penyesalan nanti. Demikian contoh puisi yang membentangkan kisah sejarah Islam, sejarah para nabi yang diseru agar manusia mengambil iktibar dan

pengajaran daripadanya. Segala peringatan daripada penyair merupakan suatu jalan dakwah sebagaimana dijelaskan dan ditegaskan dalam ajaran suci Islam.

### **Keindahan Seni dan Kaitannya dengan Prinsip Lateral dalam Puisi-puisi Suhaimi Haji Muhammad**

Puisi-puisi yang dianalisis telah dipersembahkan oleh penyair dengan penuh nilai seni dan keindahan. Hubungkait antara puisi dengan teori SPB4L dalam prinsip keempatnya adalah menyentuh soal estetika dan keindahan seni ini. Aspek estetika dan keindahan seni akan menghuraikan prinsip pemikiran Lateral iaitu melihat dari sudut kreativiti. Sudut kreativiti ini pula akan menjurus kepada keindahan gaya bahasa, teknik dan stail dalam puisi-puisi Suhaimi Haji Muhammad yang dianalisis. Secara keseluruhannya semua kumpulan puisi yang dikaji memperlihatkan teknik naratif atau berkisah dengan rangkap yang banyak dan baris baris yang panjang. Penyair yang banyak merujuk kepada sumber al-Qur'an dan hadith menceritakan kisah-kisah daripada al-Qur'an dan tokoh sufi serta para nabi dalam sejarah Islam. Meski teknik penceritaan itu dilakukan oleh penyair dengan nota kaki dan catatan yang menjelaskan fakta penting namun nilai keindahan puisinya tetap dirasai kerana makna-makna dan falsafah pemikiran khususnya tentang dunia tasawuf dan kerohanian yang cuba disampaikan kepada pembaca amat berkesan dan menyentuh kalbu. Falsafah pemikirannya amat tinggi dan mendalam kerana pelbagai ilmu pengetahuan (agama dan akademik) yang beliau miliki beserta pengalaman yang banyak daripada kembara hidup yang panjang, iaitu berusia 79 tahun pada tahun 2013.

Secara jelas, Suhaimi Haji Muhammad adalah seorang penyair yang amat gigih dan komited dengan dunia kepenyairannya. Beliau tidak pernah berhenti menghasilkan puisi yang bersifat mistik dan kerohanian yang dapat dikatakan sebagai wadah dakwah buat seluruh umat Islam. Selain teknik naratif, aspek gaya bahasa juga turut menyumbang dalam soal seni keindahan dan sekaligus menyentuh prinsip pemikiran lateral dalam teori SPB4L. Unsur gaya bahasa yang ditemui adalah seperti diksi asing (Bahasa Arab dan Jawa), metafora, personifikasi, simbol dan gaya bahasa perulangan. Contoh diksi Arab seperti tajuk-tajuk kumpulan puisinya iaitu *At-Tariq yang bermaksud jalan*, *An-Nur yang bermaksud cahaya*, *As-Salam yang bererti selamat dan sejahtera*, *Asyik yang ertinya pencinta dan perindu khusus kepada Allah* dan *Taman Takwa yang melambangkan keindahan perasaan taat dan takut kepada kemurkaan Allah* di samping perkataan seperti *zikir, fana, iman, solat, reda, sabar, wahyu, rabbani*, dan banyak lagi. Penggunaan diksi Arab dapat dikaitkan dengan latar pendidikan penyair yang mempelajari dan memahami bahasa Arab di samping penggunaan diksi Arab itu adalah tepat dan sesuai dengan maksud yang hendak disampaikan oleh penyair. Seterusnya unsur gaya bahasa metafora juga amat banyak ditemui.

Penemuan ini menunjukkan penyair memiliki kekuatan dalam aspek seni keindahan puisinya meski dalam bentuk naratif dan pemikiran lateralnya. Contoh-contoh metafora adalah seperti pohon iman, pohon takwa, kapal rabbaniah, taman zikir, gelombang zikir, perkebunan tafakur, mawar impian, pohon ibadah, pohon reda, lautan nafsu, sungai-sungai cinta, dan bunga-bunga cinta. Kesemua unsur metafora ini amat indah dan bersesuaian dengan maksud yang ingin penyair sampaikan di samping menunjukkan kekuatan gaya bahasa yang penyair miliki sebagai kurnia bakat semula jadinya dan hasil pengalaman yang luas dan mendalam dalam dunia puisi. Manakala unsur lambing (simbol) yang ditemui adalah seperti kata-kata "Tuhanku di sisi-Mu aku hanyalah debu" yang bermaksud diri penyair amat kerdil dan dhaif (lemah) berbanding dengan Allah yang Maha Pencipta lagi Maha Sempurna. Seterusnya antara contoh unsur personifikasi (perorangan) ialah kata-kata seperti tangan nasib, tangan iman dan sihir bisikan duniawi. Penyair memberikan sifat-sifat manusia yang mencitrakan seolah-olah nasib, iman dan sihir itu hidup dan dapat mengubah kehidupan

manusia Akhirnya dari aspek seni keindahan turut ditemui gaya bahasa perulangan. Penyair mengulangi diksi, frasa dan kalimat-kalimat tertentu sebagai tanda penegasan makna dan mesej yang ingin disampaikan dengan tegas dan bersungguh-sungguh. Penegasan tersebut juga merupakan peringatan dan pesanan ikhlas daripada penyair sebagai memenuhi tanggungjawab dengan sesama manusia dan sebagai khalifah Allah di muka bumi. Contoh dalam puisi “Hidup Zuhud” (*Taman Takwa*: 75-78) dan “Kenali Solat”(Taman Takwa: 134). Melalui puisi pertama penyair mengulangi kalimat “Bagi mereka yang hidup zuhud” sebanyak 13 kali dan dalam puisi yang kedua, penyair mengulangi frasa “Kenalilah solat wahai anakku” sebanyak tiga kali iaitu di awal baris pada setiap rangkap sebagai kata pesanan dan ingatan yang tegas dan sangat penting khusus buat anaknya dan buat umat manusia umumnya demi bekalan selepas kematian seseorang.

### KESIMPULAN

Manusia hari ini sebahagiannya telah banyak menyimpang dari ajaran Islam dan mengabaikan hal-hal kerohanian termasuk soal akidah tauhid serta syariat Islam, mereka lalai dan leka mengejar hal-hal keduniaan sehingga melupai tanggungjawab sebagai hamba dan khalifah Allah sebagaimana janji Adam setelah mula terciptakannya sebagai manusia. Manusia hari ini sebahagiannya tidak lagi menghayati dan mempraktikkan akhlak yang mulia dan terpuji lantaran godaan syaitan dan bisikan hawa nafsu yang membawa kepada kesesatan dan kemurkaan Allah. Justeru penyair Suhaimi Hj. Muhammad melalui puisinya telah menyeru dan mengajak agar manusia kembali ke fitrah semula jadinya sebagai manusia yang bersih dan suci daripada segala dosa dan sifat-sifat keji. Penyair telah berdakwah dengan segala pesanan, ajakan dan ingatan agar manusia melakukan segala amal makruf dan menjauhi perkara-perkara mungkar agar tidak menyesal di kemudian hari. Penyair juga mengingatkan tentang balasan syurga dan neraka sebagai janji daripada Allah kepada manusia. Demi menuju kepada seruan tersebut manusia perlu beriman kepada Allah yang Esa, mentaati dan melaksanakan segala syariat Islam serta seterusnya memiliki ilmu dan hidup berilmu di samping mengamalkan akhlak yang mulia sebagaimana akhlak mulia dan terpuji Rasulullah, Nabi Muhammad s.aw, Nabi Nuh dan Nabi Ayub.

Akhirnya para pembaca khususnya umat Islam juga diseru untuk mengambil pengajaran dan iktibar daripada sejarah dan peristiwa silam demi kesejahteraan dan kebahagiaan hidup di dunia dan di akhirat. Hasil analisis menunjukkan penyair telah menggunakan pemikirannya secara bersepadu dalam puisinya iaitu bersesuaian dengan teori SPB4L janaan Mohd. Yusof Hassan. Tegasnya ditemui pemikiran Luhur yang membicarakan aspek akidah tauhid dan syariat Islam, pemikiran Lahir yang membincangkan soal akhlak (sifat baik dan buruk) manusia, pemikiran Logik yang menjelaskan persoalan sejarah, peristiwa silam dan kemasyarakatan yang membuktikan kewujudan tempat dan para nabi serta akhirnya pemikiran Lateral yang menyerlahkan aspek seni dan keindahan serta daya kreativiti penyair sebagaimana tercipta dalam puisi-puisinya.

### RUJUKAN

- Haron Din. *Manusia dan Islam*. 2002. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.  
Mohd. Yusof Hasan. 2004. *Pembinaan Paradigma Pemikiran Peradaban Melayu*. Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.  
Mohd. Yusof Hasan. 2009. *Pemikiran Global SN Shahnnon Ahmad*. Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.  
Mohd. Yusof Hasan. 2002. SPB4L Melahirkan Insan Syumul. *Dewan Sastera*, Mac: 20.

- Suhaimi Haji Muhammad. 2002. Kumpulan Puisi *al-Tariq*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Suhaimi Haji Muhammad. 2003. Kumpulan Puisi *an-Nur* . Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Suhaimi Haji Muhammad. 2006. Kumpulan Puisi *Asyik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Suhaimi Haji Muhammad. 2006. Kumpulan Puisi *as-Salam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Suhaimi Haji Muhammad. 2009. Kumpulan Puisi *Taman Takwa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Samsina Abd. Rahman. 2002. Amar M'aruf Nahi Mungkar dalam Puisi Melayu. *Monograf Bahasa, Sastera dan Budaya Melayu*. Bil. 7. Serdang: Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia.
- Syeikh Abdullah Bin Muhammad Basmeh. 1983. *Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada Pengertian al-Qur'an*. Kuala Lumpur: Jabatan Perdana Menteri.
- Tafsir Mahmud Yunus al-Qur'an Nul Karim Rasm Uthmani*. 2010. Klang: KBC.

**Biodata Penulis:**

**Samsina Abd Rahman**

Merupakan Profesor Madya di Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia. Cenderung dalam kajian puisi Islam dan turut merupakan penyair dengan penghasilan beberapa kumpulan puisinya.